

# BAHASA MELAYU, KELEBIHANNYA DAN KEKURANGANNYA

## OLEH: ZA'BA

### (II)

### 3 - BAHASA MELAYU MODEN

Dalam bilangan ini Tuan “Za’ba” membahas panjang lebar akan bahasa Melayu baharu dan bagaimana pandangan pihak tua terhadap angkatan baharu dengan bahasan yang adil.

Daripada apa yang telah diterangkan di atas tadi (dalam bilangan yang lalu P.Q) nyatalah bahasa Melayu pada orang-orang Melayu yang berpelajaran hari ini dengan pantas beransur menjadi moden dari setahun ke setahun, terutama tentang persuratannya. Yang demikian ialah disebabkan oleh kemasukan beratus-ratus patah perkataan baharu dan beberapa banyak rangkai kata baharu dan cara-cara yang baharu bagi memperkatakan maksud – iaitu perubahan yang telah mendatang dan masuk ke dalamnya dalam masa dua tiga puluh tahun yang lalu ini sahaja.

Seorang pengaji bahasa Melayu yang hanya biasa dengan persuratan bahasa ini mengikut caranya yang tertulis seratus tahun yang lalu atau lima puluh tahun sahaja pun, atau yang pengetahuannya akan surat-surat Melayu hanya berasas di atas karangan cara lama dalam hikayat-hikayat lama Melayu yang telah sedia semenjak 300-400 tahun dahulu apabila mereka membaca karangan Melayu hari ini yang telah berubah dan sedang lagi berubah dengan pantas menjadi moden itu, sangat-sangatlah terasa bahawa pengetahuannya akan bahasa Melayu itu tidak memadai lagi. Ia dapati payah memahamkan apabila membaca karangan-karangan Melayu moden yang terpakai dalam

suratkhabar-suratkhabar dan majalah-majalah Melayu, atau dalam terjemahan undang-undang kerajaan dan risalah-risalah ilmu dan sebagainya; kerana beberapa banyak daripada perkataan baharu, atau perkataan lama yang dipakai dengan makna baharu. Dalam karangan-karangan itu serta berbagai-bagai rangkai kata baharu yang terjumpanya di situ, tidak boleh didapati dalam mana-mana jua kamus Melayu bahasa Eropah yang telah dikumpul dan dikarangkan 20 tahun atau lebih dahulu. Kamus-kamus itu belum ada satu jua pun yang telah dijadikan “*Up to date*” betul, yakni yang telah dibaiki cukup-cukup dengan memasukkan segala tambahan dan perubahan baharu yang telah terjadi itu hingga sekarang.

Pengajian-pengajian tua yang demikian itu selalunya tidak merasa simpati kepada perubahan-perubahan baharu ini dan tidak sedia hendak menimbangkannya dengan timbangan yang pemurah dan mahu bertolak-ansur. Bahkan, kebanyakan mereka tidak suka akan perubahan itu, hanya sentiasa memandangnya dengan cemik dan benci jua; dikata mereka iaitu semata-mata merosakkan bahasa Melayu. Oleh yang demikian maka kerap kali ditolak mereka mentah-mentah sahaja segala karangan Melayu cara baharu itu dan digelar mereka karangan demikian “bahasa Melayu baharu”, “bahasa Melayu kacuk-aduk” atau “bahasa Melayu yang rosak” dan sebagainya. Iaitu diborong

mereka semuanya dengan gelaran itu samada karangan yang baik atau yang tidak baiknya – asalkan cara baharu dan banyak tertiru gaya dagang maka tidaklah mereka gemar. Kerana menyalahi rupa karangan Melayu cara lama yang mereka telah biasa. Mereka sediakala hendak menangkap kealahan dan hendak menunjukkan “Ini bukan Melayu, ini meniru jalan bahasa Inggeris” atau Arab atau lainnya!

Kita mengaku bahawa pada kebanyakan hal adalah perasaan mereka itu betul juga, bahkan sekurang-kurangnya mendapat sokongan yang kuat daripada rupa ikatan ayat dan susunan perkataan dalam kebanyakan karangan-karangan cara baharu yang mereka baca itu, iaitu cenderung kepada kusut dan gelap dan bukan Melayu sosoknya. Hanya meniru atau tertiru dengan buta tuli akan cara sosok dan ikatan ayat bahasa dagang. Yang demikian ialah oleh sebab pengarang-pengarang yang menulis karangan itu tak pandai mengarang atau menterjemah dengan cara bahasa Melayu yang betul dan terang, atau sebab mereka banyak membaca karangan dan buku-buku dalam bahasa dagang itu sahaja maka terpengaruhlah mereka oleh bahasa dagang itu pada gaya-gaya fikirannya dan jalan-jalan mereka berfikir dan cara melafazkan fikiran itu dalam karangan.

Tetapi sekaliannya itu terjadi ialah oleh salah satu daripada dua sebab: pertama, sebab pelajaran mereka hanya sepihak dalam bahasa dagang itu sahaja; umpamanya belajar Arab sahaja di Meka atau di Mesir hingga berpuluh tahun tak pernah berlatih mengarang Melayu atau memerhatikan contoh-contoh karangan bahasa Melayu yang betul: jika mereka membaca karangan Melayu pun ialah karangan dalam kitab-kitab Melayu yang terkarang menurut sosok bahasa Arab. Sebab itu apabila mereka sendiri mengarang hanya perkataannya sahaja Melayu: sosoknya dan ikatan ayatnya bukan Melayu. Kedua, jika mereka telah ada pula belajar surat-menyurat dan karang-mengarang Melayu di sekolah Melayu sebelum belajar bahasa dagang itu maka apabila mereka masuk sekolah bahasa dagang

dan belajar bahasa itu – umpamanya bahasa Inggeris di sekolah Inggeris – tidaklah pula mereka mendapat latihan yang betul pada ilmu menterjemah atau pindah-memindahkan maksud di antara bahasa dagang itu dengan bahasa Melayu sebagaimana yang diperbuat dalam sekolah-sekolah di Eropah apabila murid-murid mempelajari bahasa dagang seperti Latin, Perancis, Jerman dan sebagainya.

Di Eropah latihan menterjemah di antara bahasa dagang yang dipelajari itu dengan bahasa sendiri adalah sentiasa dijalankan hari-hari dnegan membandingkan perselisihan dan perbezaan di antara kedua bahasa itu tentang ikatan ayat. Resaman bahasa, kaedah menyusun perkataan dan cara-cara memperkatakan suatu maksud, iaitu berlainan-lainan tiada sama dan tiada boleh ditiru buta sahaja dari satu bahasa ke satu bahasa. Maka penuntut-penuntut kita sebelah sini tidaklah pernah mendapat latihan demikian dengan betulnya baik pun di antara bahasa Melayu dengan bahasa Inggeris atau di antara bahasa Melayu dengan bahasa Arab, atau lainnya. Bahkan, di sekolah-sekolah Inggeris kita tidak ada diajarkan bahasa yang lain daripada Inggeris supaya kaedah terjemah-menterjemahnya itu dapat dipakaikan kepada bahasa Melayu juga. Maka jika ada pula pelajaran bahasa Melayu di sekolah Inggeris itu tetapi hal banding-membanding perselisihan di antara kaedah kedua bahasa itu tidak bererti; sebaliknya kerap kali kedua bahasa itu diasingkan sekali, tiada perhubungan apa-apa – pelajaran yang satunya tiada kena-mengena dengan yang lainnya kerana gurunya tiada pandai pada kedua-duanya – jika pandai Melayu Melayu sahaja, jika pandai Inggeris Inggeris sahaja. Demikian pula di sekolah-sekolah arabnya. Oleh yang demikian tiadalah pandai murid-murid itu menterjemah. Apabila mereka lepas daripada sekolah Inggeris itu umpanya, ikut pandai sahajalah jika mereka hendak menterjemah daripada Inggeris ke Melayu atau sebaliknya. Ghalibnya apabila mereka menterjemah dari Inggeris ke Melayu sudahlah Melayu itu bunyi Inggeris sahaja dan jika mereka menterjemah dari Melayu ke Inggeris

Maka sudahlah Inggerisnya itu bunyi Melayu sahaja pula!  
Tambahan pula bahasa Melayu ini masih bahasa yang rendah dan kurang isinya dan kekuatannya daripada bahasa-bahasa dagang yang tinggi dan maju seperti Arab, Inggeris, atau Belanda atau lainnya yang dipelajari itu. Jadi jika diasingkan dia putus sekali daripada bahasa dagang itu tidak sentiasa diberi latihan terjemah-menterjemah antara keduanya, nescaya macam mana pun kalah juga bahasa Melayu, hingga akhirnya murid-murid itu tiada tahu mengarang dalam bahasa Melayu lagi, dan terkadang mereka hinakan sekali bahasa Melayu ini, dikatakan lemah tiada cukup perkataan, tiada dapat memperkatakan fikiran yang tinggi-tinggi dan sebagainya, dan isi persuratannya tidak ada apa-apa seperti yang ada di dalam bahasa dagang yang mereka telah pandai itu! Ada pun jika mereka tidak menghinakan demikian itu dan suka juga lagi hendak mengarang Melayu, maka apabila mereka mengarang sahaja dalam bahasa Melayu atau menterjemah daripada bahasa dagang itu ke Melayu tetaplah mereka terikut sosok cara bahasa dagang itu dengan tidak dapat dielakkannya. Dengan hal yang demikian maka karangan atau terjemah mereka itu menjadi kepayahan pula kepada orang Melayu sendiri yang tiada tahu bahasa dagang itu; kerana dengan sebab karangannya itu memakai sosok ikatan dan cara pembahasaan menurut acuan bahasa dagang, atau dengan sebab terjemahnya itu terjemah ikut sepatah-sepatah dan tidak baik. Jadi tiadalah orang Melayu yang membacanya boleh mengerti dan rosak olehnya kaedah dan sosok dan kemanisan bahasa Melayu yang sejati.

Dalam pada itu segala hal keadaan yang tersebut ini tetaplah disifatkan kekurangan juga: bahasa Melayu tidak mengaku akan dia dan penulis-penulis Melayu yang mengerti tidak menerima akan dia. Akhirnya lama-kelamaan kalau sebahagian besar daripadanya akan hilang sendirinya ditelan perlahan-lahan oleh kekuatan semangat bahasa Melayu yang sentiasa ada dan sebahagian pula akan tinggal terbiar di tempatnya itu juga, tiada siapa

mengendahkan atau menggunakan, kecuali bagi mencontohkan cara bahasa Melayu yang buruk dan salah.

Pendeknya segala karangan dan terjemah yang buruk demikian itu hanya terjadi pada penulis-penulis Melayu yang kekurangan latihan seperti yang tersebut tadi sahaja; mereka tiada tahu memilih dan menimbang mana tentangnya kaedah dan cara-cara bahasa dagang itu yang baik ditiru dengan tidak merosakkan bahasa Melayu dan mana pula tentangnya yang tidak baik ditiru: hanya mereka tiru buta sahaja sebagaimana bentuk dan sosok bahasa dagang itu pada ikatan ayatnya, resaman bahasanya, dan cara-cara pembahasannya dan lainnya, pada hal bahasa Melayu ada haknya sendiri dan cara-caranya sendiri pada segala perkara itu. Bahkan jika karangan asal yang dalam bahasa dagang itu memang bukannya jenis karangan yang baik pun, mereka tiru juga sebagaimana tidak baiknya itu sekali, tidak mereka tahu membaikinya atau menjadikannya sedap dalam terjemahnya ke bahasa sendiri dengan mengubah susunnya dan aturannya. Kerap kalinya mereka tidak kenal pun karangan yang baik daripada karangan yang tidak baik dalam bahasa dagang itu.

Adapun jika pengarang Melayu moden yang tahu membezakan dan memilih, tetaplah didapati karangannya bersih daripada kesilapan meniru buta itu, iaitu meniru yang tiada berpedoman dan yang hanya memburukkan rupa bahasa Melayu seperti yang telah disebutkan ini. Pengarang-pengarang yang tahu memilih ini jika mereka meniru gaya dagang itu maka ada hadnya, dan tiruannya itu tidak mengganggu kaedah-kaedah bahasa Melayu yang asasi, melainkan cukup meraikannya, dan karangannya itu cukup terang dan mudah difahamkan, sama ada oleh orang Melayu apa lagi orang yang punya bahasa dagang itu. Bagi pihak yang kedua ini dengan mudah dikenal mereka iaitu gaya sosok bahasa mereka, dan senang sahaja jika mereka hendak menterjemahkannya kembali ke dalam bahasanya.

Akan tetapi pengaji-pengaji persuratan bahasa Melayu cara tua yang tiada sukakan perubahan seperti yang disebutkan

tadi tidaklah mereka mahu memandang dengan pandangan demikian ini. Mereka tiada mahu mengambil insaf mengatakan karangan-karangan Melayu cara baharu ini, dengan segala kekurangan dan kecacatannya yang didapati di dalamnya itu, ialah percubaan yang ikhlas dari pihak bahasa Melayu dan pengarang-pengarangnya hendak memadankan diri dengan hal-hal keadaan baharu sekarang. Mereka tiada mahu mengambil timbangan yang pertengahan, iaitu membangsakan segala kekurangan dan kecacatan yang terdapat pada karangan-karangan baharu itu disebabkan oleh pengarang-pengarangnya tiada pandai memadankan, tiada pandai mengarang, dan tiada pandai menterjemah; dan dari situ mencari apa sebabnya pengarang-pengarang itu tiada pandai itu. Pengaji-pengaji lama ini tiada mahu memikirkan bahawa sekalian kekurangan dan kecacatan itu hanya sementara sahaja dan akan hilang sendirinya apabila pengarang-pengarang dan penterjemah-penterjemah yang lebih pandai telah banyak kelak dan telah sedar akan kesilapan dan kesalahan itu. Pengaji-pengaji cara tua yang tersebut hanya nampak kesalahan dan suka menyalahkan sahaja dengan tiada mengambil tahu apa sebabnya telah jadi segala kesalahan itu, iaitu bukan kerana bahasa Melayu lemah tetapi ialah kerana pengarang-pengarang itu lemah. Tetapi apakah sebabnya pengarang-pengarang itu lemah??

Pengaji-pengaji cara tua ini ujian mereka bagi menentukan sesuatu karangan itu baik atau tidak bahasanya ialah karangan itu mesti mudah difahami oleh orang Melayu kampung yang tiada berpelajaran, iaitu orang-orang kampung dahulu-dahulu dan di darat-darat seperti yang mereka tahu tatkala mereka belajar Melayu dahulu. Oleh itu jika ada sedikit perubahan yang agak tiada tercapai oleh orang-orang kampung itu memahamkannya maka tiadalah mereka berkenan seolah-olah mereka tiada suka melihat bahasa Melayu maju. Mereka lupa juga bahasa-bahasa lain yang telah maju itu dibawakan dengan rupanya yang terpakai dalam persuratan buku-bukunya sekarang kepada orang-orang kampung bangsa itu yang tiada berpelajaran dan tiada tahu menulis dan membaca, nescaya tiada juga

orang kampung itu akan mengerti, kerana perkataannya dan perbasaannya dan isinya telah melampau daripada lingkungan pengetahuan dan pengalaman mereka.

Profesor G.W.J. Drewes yang sekarang jadi pendeta bahasa Melayu di Universiti Leiden (negeri Belanda) telah berkata dalam sebuah buku petikan Melayu modennya bernama "*Is Modern Malay Reader*" yang baharu terbit dalam tahun 1947, katanya demikian: "Bahasa Melayu yang telah dimodenkan itu ialah bahasa yang sediakala beransur-ansur maju terpakainya oleh segala lapisan yang terpelajar di seluruh jajahan Kepulauan Hindia Timur, iaitu dipakai mereka sebagai bahasa pendua berkembar dengan bahasa di rumah mereka sendiri masing-masing; dan bilangan pengarang daripada jenis-jenis puak dan keturunan adalah makin bertambah-tambah banyak yang memakainya bagi karangan-karangan mereka menuliskan cerita-cerita dan syair-syairnya."

Profesor Darius itu pandai bahasa Melayu dan bahasa Jawa dan tahu bahasa Sanskrit dan Arab selain daripada bahasa sendiri (Belanda), Inggeris, Perancis, Jerman dan Latin pada suatu masa kira-kira 20 tahun dahulu ia telah memegang jawatan jadi pengetua "Bali Pustaka" di Betawi (sekarang Jakarta).  
Bersambung.

---

Buku-buku Cerita Mata-mata Gelap

Perbunuhan di Padang Pulau	30 sen
“ di Lautan Atlantik	30 “
Penari	30 “
Jantan Mata Keranjang	30 “
Pukul Empat Subuh	30 “
Lelaki Binatang	30 “
Menjual Agama	30 “

Alamatkan pesanan-pesanan kepada Manager

QALAM PRESS LTD., P.O. Box 3031.

SINGAPORE.